

## **Koreografi Kontemporari yang Berunsurkan Elemen Tradisi: Tari Piring sebagai Titik Permulaan Penciptaan**

### ***Contemporary Choreography Incorporating Elements of Tradition: Tari Piring as a Starting Point of Creation***

Mohd Fauzi Amirudin

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

e-mail: mohd.fauzi@fmsp.upsi.edu.my

*Article received:* June 30, 2023

*Article revised:* October 2, 2023

*Article accepted:* June 20, 2024

*Article published:* June 30, 2024

*Cite this article (APA):* Amirudin, M. F. (2024). Koreografi kontemporari yang berunsurkan elemen tradisi: Tari piring sebagai titik permulaan penciptaan. *Jurai Sembah*, 5(1), 15-22. <https://doi.org/10.37134/juraisembah.vol5.1.2.2024>

#### **Abstrak**

Kebanyakan koreografer di Malaysia dilatih dengan tarian tradisional dan teknik tarian Barat telah menggabungkan unsur ini dalam penciptaan koreografi kontemporari. Sebagai koreografer yang mempunyai latar belakang latihan seperti ini, pengkaji mengkaji kaedah rekonstruksi dari elemen Tari Piring di dalam penciptaan koreografi kontemporari. Tari Piring adalah merupakan tarian yang berasal dari Sumatera Barat dan masih diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan. Tarian ini menggunakan piring sebagai prop utama dengan pergerakan merendah, mengawal dan memanipulasi piring yang kompleks. Pengkaji telah menghasilkan koreografi kontemporari yang menggunakan kualiti dan estetika daripada elemen tari piring berjudul "Gelanggang". Kajian ini menganalisis proses kreatif dengan mengabungkan estetika, kualiti, dan corak pergerakan yang berbeza dalam koreografi kontemporari dan menggunakan kaedah rekonstruksi. Kaedah kualitatif seperti pengumpulan data dan pemerhatian digunakan dalam proses ini, dengan produksi koreografi disokong melalui latihan di studio, catatan jurnal dan rakaman video.

*Kata kunci:* rekonstruksi, tari piring, koreografi, tarian kontemporari, gelanggang

#### **Abstract**

*Most choreographers in Malaysia, trained in traditional dance and Western dance techniques, have incorporated these elements into contemporary choreography. As a choreographer with this training background, the researcher examines the reconstruction methods from the elements of Tari Piring in the creation of contemporary choreography. Tari Piring, originating from West Sumatra, is still practised by communities in Negeri Sembilan. This dance utilises plates as the primary prop, and the movements, which involve lowering, controlling, and manipulating the plates, are complex. The researcher has produced contemporary choreography titled "Gelanggang," which employs the qualities and aesthetics of Tari Piring elements. This study analyses the creative process by combining aesthetics, qualities, and distinct movement patterns in contemporary choreography through reconstruction methods. Qualitative methods, such as data collection and observation, were employed in this process, with the choreography production supported by studio practice, journals, and video recordings.*

*Keywords:* choreography, contemporary dance, gelanggang, reconstruction, tari piring

## Pengenalan

Penghasilan koreografi tari kontemporari yang berunsurkan elemen tradisi adalah salah satu pendekatan umum apabila seni tarian moden dan kontemporari tersebar di seluruh dunia, termasuk di Asia dan Malaysia. Tari kontemporari merujuk kepada bentuk tarian yang menggambarkan masa kini. Menurut Gonzales (2019), “Tari kontemporari adalah tari semasa yang melalui proses evolusi. Ia terpengaruh oleh suasana sekeliling, peredaran zaman, dan pembaharuan terkini” (p. 24). Oleh itu, apabila tarian kontemporari tersebar ke seluruh dunia dengan pelbagai latar belakang budaya dan tradisi, para koreografer dapat menghasilkan karya yang menggabungkan elemen dari tempat dan situasi mereka, serta mengikuti peredaran zaman dan perkembangan terkini. Lantaran itu, tari kontemporari memberikan kebebasan kepada penari untuk melakukan apa sahaja pergerakan, dan pada masa yang sama, koreografer dapat menghasilkan karya dan kreativiti tanpa batasan.

Negara-negara Asia seperti Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Taiwan, dan lain-lain mempunyai tradisi dan budaya yang unik, terutama dalam tatacara dan aktiviti hidup sehari-hari. Oleh itu, segelintir koreografer di Asia menggunakan elemen tradisi yang memperlihatkan falsafah dan keunikan elemen budaya dalam koreografi kontemporari. Sebagai contoh, di Taiwan, koreografer tersohor seperti Lin Hwai-Min memperlihatkan koreografi kontemporari yang menggunakan elemen budaya dan warisan kaum Cina seperti kaligrafi, mitos, serta elemen tradisi seperti seni bela diri, taici, dan pergerakan opera. Selain itu, di Thailand, Pichet Klunchun menjelajah dan memperkenalkan koreografi kontemporari dengan memasukkan elemen tari klasik Thai, iaitu tarian Khon, serta praktis tubuh dalam koreografinya. Di Indonesia pula, koreografer Eko Supriyanto dikenali dengan karya kontemporari yang menampilkan budaya dan tradisi Jawa seperti Kuda Lumping dan Kubro Siswo.

Pengkaji menyebut nama-nama koreografer ini kerana mendapati mereka memberikan nafas baharu dan unik dalam tari kontemporari melalui penggunaan elemen budaya dan warisan. Unsur budaya dan warisan ini menggambarkan identiti yang jelas dalam koreografi kontemporari mereka, sekali gus dapat mewakili negara masing-masing. Secara tidak langsung, kewujudan koreografi sedemikian menonjolkan perbezaan antara tari kontemporari dari negara Barat seperti Jerman, Amerika Syarikat, dan England dengan negara-negara Asia.

## Latar belakang

Jika dilihat dalam konteks Malaysia, kebanyakan penggiat tari kontemporari menampilkan koreografi mereka dengan memasukkan bentuk tari tradisi dan elemen budaya yang memperlihatkan identiti Malaysia. Mumtaz Backer (2003) menghuraikan bahawa tokoh tari kontemporari terawal di Malaysia seperti Ghouse Nasarudin memperlihatkan kepakaran serta pergerakan tersendiri seperti silat dan tari makyung dalam karyanya. Selain itu, Marion D'Cruz banyak bereksperimen dengan menggabungkan pelbagai genre tari tradisi seperti terinai dan Jawa dalam hasil karya beliau. Suhaimi Magi pula menampilkan karya kontemporari beliau dengan unsur dan elemen silat serta budaya Borneo. Begitu juga dengan Mew Chang Tsing yang menonjolkan campuran estetika, budaya, dan tari Cina dengan teknik balet dan moden. Ramli Ibrahim menggabungkan ideologi Barat dan teknik kontemporari dalam tarian Bharatanatyam dan Odissi.

Di sini, saya melihat kebanyakan penggiat tari kontemporari menggabungkan elemen gerak tradisi seperti Melayu, Cina, dan India dengan teknik pergerakan balet, tari moden, dan lain-lain. Menurut kajian dan pemerhatian oleh Mumtaz Backer (2003), “...persamaan dalam tari kontemporari di Malaysia adalah sekumpulan penggiat tari yang menunjukkan minat dengan menonjolkan dua bentuk tradisi dan moden, timur dan barat dalam penciptaan karya kontemporari” (p. 63). Oleh itu, konsep gabungan timur dan barat jelas kelihatan dalam penciptaan oleh penggiat tari Malaysia. Saya mendapati konsep ini menjadi salah satu kaedah yang popular dan sering digunakan dalam koreografi kontemporari dalam kalangan penggiat tari.

Tari Piring dipilih kerana ia merupakan kepakaran dan kebolehan pengkaji berbanding kesemua jenis tarian tradisi yang telah dipelajari. Kesenian ini, dengan pergerakan yang unik menggunakan piring sebagai pusat pergerakan, menjadikannya elemen yang menarik dalam penghasilan koreografi kontemporari berunsurkan elemen tradisi. Pengkaji mendalami Tari Piring dengan lebih terperinci di bawah bimbingan Suhaimi Magi di Akademi Seni Budaya dan Warisan

Kebangsaan (ASWARA). Pengkaji juga adalah merupakan graduan Diploma Tari dan Ijazah Sarjana Muda Tari (Koreografi) dari ASWARA.

Menurut Mohd Zin (1998),

Tari Piring merupakan sebuah seni tari milik orang Minangkabau yang berasal daripada Sumatera Barat. Ia merupakan salah satu tarian Minangkabau yang masih diamalkan penduduk Negeri Sembilan yang berketurunan Minangkabau. Tidak dapat dinafikan bahawa perkataan Tari Piring sudah pastilah berasal daripada perkataan ‘tari’ dan ‘piring’. Penggunaan piring kaca dalam tarian ini adalah salah satu keistimewaannya. Ia memerlukan kemahiran teknik serta kbolehan penari dalam mengendalikan piring dengan pengawalan lambungan dan pusingan. Unsur kekaguman seperti pijak kaca atau memijak serpihan piring yang dipecahkan dapat dilihat dalam tarian ini. (p. 42)

Kajian koreografi yang dilakukan menggunakan konsep rekonstruksi, iaitu menggabungkan tari piring dengan tari kontemporari. Proses kajian ini mengekalkan estetika dan kualiti dalam penciptaan koreografi kontemporari. Rekonstruksi adalah proses mengubah atau memperbaiki sesuatu keadaan atau cara ia berlaku. Merujuk Franco (1989), “...to see the old in the new is characteristic of reconstruction” [“...melihat yang lama dalam yang baru adalah ciri rekonstruksi.” (Terjemahan: Penulis)] (hlm. 58). Unsur yang lama dalam penciptaan koreografi ini diberi nafas baharu dan merupakan proses rekonstruksi. Walaupun kaedah rekonstruksi sering digunakan untuk kebangkitan semula dari sumber arkib, dalam kajian ini, kaedah rekonstruksi elemen tari piring diberi perhatian dengan harapan dapat memberi nafas baru kepada bentuk tradisi ini melalui koreografi tarian kontemporari. Oleh itu, pengkaji menggunakan elemen tari piring dan tari kontemporari yang digabungkan untuk melihat interpretasi baru dalam penghasilan koreografi kontemporari berunsurkan elemen tradisi tari piring.

## Metodologi

Penciptaan koreografi kontemporari yang berunsurkan tradisi yang telah dihasilkan adalah “Gelanggang.” “Gelanggang” bermaksud ruang dalam lingkaran. Pertembungan dan dialog dalam ruang lingkaran ini menggambarkan bagaimana interaksi berlaku dan usaha untuk saling menghormati serta menghargai satu sama lain. Kuasa dijadikan konsep dan tema utama dalam koreografi ini, yang mencerminkan bagaimana perkongsian kuasa membawa kepada persaingan. Selain itu, kuasa sebagai simbol juga memanipulasi dan mengawal individu. Koreografi ini ditarikan secara duet oleh seorang penari lelaki dan seorang penari perempuan. Dalam proses penghasilan koreografi kontemporari berunsurkan tradisi, kadang-kadang bentuk tradisi dan kontemporari saling bertentangan dan tidak selaras kerana asal usul budaya yang berbeza. Oleh itu, pengkaji memilih untuk mengeksplorasi dan menggunakan tari piring sebagai elemen utama dalam penciptaan koreografi kontemporari berunsurkan elemen tradisi.

Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan koreografi kontemporari berunsurkan tradisi yang tidak saling berlawanan dari segi estetika dan kualiti pergerakan. Pengkaji menganalisis dengan mendalam elemen tari piring, melihat estetika dan kualiti yang boleh diperluaskan. Elemen ini kemudian diperluaskan melalui eksplorasi improvisasi dan kaedah koreografi seperti pengembangan motif dan penambahan berperingkat (*accumulation*). Pada masa yang sama, elemen tari piring yang telah dianalisis dan dikenalpasti maklumat pergerakannya dikaitkan dengan kaedah rekonstruksi. Bagi memantapkan lagi penciptaan koreografi ini, ‘kuasa’ diekspresikan sebagai tema utama dalam penciptaan koreografi yang telah dihasilkan.

### ***Kaedah Rekonstruksi Elemen Tari Piring dan Proses Koreografi***

*Jadual 1:* Penghasilan pergerakan dengan menggunakan kaedah rekonstruksi dan proses koreografi

Kaedah rekonstruksi	Penggunaan tradisional/ asli	Hasil selepas menggunakan kaedah rekonstruksi
Mengubah penggunaan prop. <i>Diminution</i> Proses, pengurangan dengan menjadikan penggunaan piring semakin sedikit.	Dua piring: satu di setiap tapak tangan, sambil melakukan semua pergerakan	Satu piring digunakan: satu tapak tangan memegang satu piring seperti dengan cara tradisional. tapak tangan yang lain tanpa piring tetapi tetap melakukan pergerakan yang sama.
Mengubah penggunaan kelajuan pergerakan.	Kelajuan Biasanya mengikuti muzik.	Berubah menjadi kelajuan yang berbeza. (perlahan, sederhana dan pantas).
Mengubah penggunaan ruang pergerakan.	Kebanyakan penggunaan ruang hanya setempat. Kerana proses kreatif pergerakan berjalan dengan pola lantai.	Ruang boleh berbeza tahap (rendah, sederhana dan tinggi). Ruang memperkenalkan pergerakan besar dan kecil.
Mengubah pergerakan kepada bahagian badan yang lain.	Dengan menggunakan tangan sahaja. Satu di setiap tapak tangan memegang piring.	bahagian badan yang boleh menyokong penggunaan piring. Seperti kaki, siku dan kepala
Mengubah campuran dan padanan ragam.	Terdapat satu set ragam. Contoh: pijak bara 1x8, asas hayunan 1x8, sisir rambut 1x8. Pergerakan ini perlu dilakukan dengan betul aturan yang telah ditetapkan.	Siri pergerakan ragam yang dilerakan dan tidak mengikut turutan.
Mengubah peranan piring.	Piring sebagai objek dan prop. Mengawal piring supaya tidak jatuh.	Piring sebagai kuasa. Mengawal dan memanipulasikan individu dengan piring.

Penulis telah melaksanakan enam cara pelaksanaan (lihat *Jadual 1*). Pertama, saya mengubahsuai penggunaan prop dengan kaedah *diminution*, iaitu ‘proses pengurangan.’ Proses ini melibatkan pengurangan penggunaan prop piring. Dalam persembahan asal, dua piring digunakan, satu di setiap tapak tangan, sambil melakukan semua pergerakan, dengan tugas mengawal kedua-dua belah tangan. Selain itu, elemen apungan seperti gelombang turut ditampilkan. Setelah menggunakan kaedah rekonstruksi, hanya satu piring digunakan. Satu tapak tangan memegang piring seperti cara tradisional, manakala tapak tangan yang lain tanpa piring tetapi tetap melakukan pergerakan yang sama. Ini membolehkan tumpuan kawalan piring dilakukan dengan lebih teliti menggunakan kedua-dua tangan.

Kedua, penyesuaian kelajuan pergerakan dilakukan. Kelajuan pergerakan biasanya mengikuti irama muzik. Namun, selepas melalui proses eksplorasi, kelajuan pergerakan diubah menjadi pelbagai tempo: perlahan, sederhana, dan pantas. Pergerakan yang perlahan membolehkan piring dikawal dengan lebih berhati-hati, manakala tempo sederhana dan pantas mencerminkan gerakan yang lebih agresif dan dinamik. Selain itu, terdapat percubaan dengan kelajuan pergerakan yang berlawanan, di mana estetika seperti berayun seperti gelombang menjadi panduan utama. Pendekatan ini tidak hanya memperkayakan visual koreografi tetapi juga menambah dimensi baru dalam interpretasi gerakan, memberikan variasi dan dinamisme dalam persembahan.

Ketiga, penyesuaian penggunaan ruang pergerakan dilakukan. Penggunaan asal pergerakan adalah dengan setempat (*in place*). Oleh sebab itu, proses kreatif pergerakan dikembangkan dengan pola lantai yang diperluaskan. Selepas direkonstruksi, penggunaan ruang bersama proses koreografi menghasilkan pelbagai variasi. Sebagai contoh, pergerakan kini melibatkan tahap yang berbeza (rendah, sederhana, dan tinggi). Tindak balas terhadap ruang juga memperkenalkan dan menghasilkan pergerakan yang diolah menjadi besar dan kecil, memberikan dimensi baru dan dinamik dalam

persembahan. Pendekatan ini tidak hanya memperkaya komposisi visual tetapi juga menambah kepelbagaiannya dalam interpretasi ruang dan gerakan, mencipta koreografi yang lebih kompleks dan menarik.

Keempat, penyesuaian dan pemindahan fungsi asal piring daripada hanya dipegang oleh tangan kepada anggota badan yang lain dilakukan. Sebagai contoh, dalam pergerakan asal, satu piring dipegang di setiap tapak tangan. Kini, fungsi piring diperluaskan kepada bahagian badan yang lain seperti kaki, siku, dan kepala. Pengalihan pergerakan dari tangan ke bahagian badan yang lain memberikan makna yang berbeza. Sebagai contoh, meletakkan piring di atas kepala diibaratkan sebagai simbol beban dan tekanan. Estetika pergerakan seperti berkelip dan libasan tajam secara tiba-tiba turut diwujudkan dalam kaedah rekonstruksi ini, menambah dimensi baru dan memperkaya makna dalam koreografi.

Kelima, penyesuaian campuran dan padanan ragam dilakukan. Terdapat satu set ragam yang terdiri daripada beberapa siri pergerakan. Sebagai contoh, pijak bara 1x8 (set kiraan dari nombor satu sehingga lapan), asas hayunan 1x8, dan sisir rambut 1x8. Pergerakan ini perlu dilakukan mengikut aturan yang telah ditetapkan. Namun, dalam proses rekonstruksi, siri pergerakan ini dileraikan dan tidak mengikut turutan asal. Estetika yang dikenalpasti seperti berayun seperti gelombang dan momentum henjutan yang selari turut digunakan dalam bahagian ini. Selain itu, pergerakan seperti menepis dan menebas juga diperkenalkan, menambah dimensi baru dan dinamisme dalam koreografi.

Keenam, penyesuaian peranan piring dilakukan. Piring, yang pada asalnya digunakan sebagai objek dan prop dengan tujuan mengawal supaya tidak jatuh, kini mengalami transformasi fungsi. Selepas eksplorasi melalui kaedah rekonstruksi, piring kini melambangkan kuasa. Kuasa ini mengawal dan memanipulasi individu dengan piring. Kesemua kaedah ini merupakan strategi yang digunakan oleh pengkaji yang juga bertindak sebagai koreografer dalam proses penghasilan koreografi.



*Rajah 1. Persembahan oleh penari, Yap Serene dan Salahudin bin Arman dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). (Sumber: LH Tang)*



*Rajah 2.* Persembahan oleh penari, Yap Serene dan Salahudin bin Arman dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). (Sumber: LH Tang)



*Rajah 3.* Persembahan oleh penari, Yap Serene dan Salahudin bin Arman dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). (Sumber: LH Tang)

### **Cabarannya Menggunakan Elemen Tradisi Dalam Penciptaan Koreografi Kontemporari**

Proses gabungan dalam koreografi kontemporari yang menggunakan elemen tradisi melalui kaedah rekonstruksi menerusi kajian ini telah memberikan kesukaran kepada pengkaji. Kesukaran tersebut timbul kerana elemen-elemen tradisi ini mempunyai syarat-syarat tersendiri. Dalam tarian tradisional Tari Piring, terdapat estetika yang tetap seperti adat dan budaya yang asasnya tidak boleh diubah melainkan berlakunya proses dikronik atau perubahan masa (Saussure, 1911). Namun begitu, dalam tarian kontemporari, sifatnya bebas dan mempunyai banyak pilihan. Oleh sebab elemen kontemporari itu bersifat bebas, pengkaji selaku koreografer bimbang penciptaan ini menjadi terlalu bebas serta tidak diterima sebagai penciptaan yang menggunakan elemen tradisi.

Kesukaran pertama yang dihadapi pengkaji adalah untuk mengekalkan estetika dan kualiti. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kualiti pergerakan Tari Piring bersifat lebih terkawal dan rendah. Apabila elemen pergerakan kontemporari dimasukkan, kualiti dan asas pergerakan menjadi bertentangan. Sebagai contoh, pergerakan Asas Tupai Bergelut Sauk adalah lebih berpusar, manakala pergerakan kontemporari yang diselitkan lebih lurus. Persoalannya, bagaimana pengkaji harus

menterjemahkan pergerakan ini supaya tidak kelihatan terasing? Penyelesaiannya adalah dengan memastikan tenaga yang digunakan bersesuaian dengan kedua-dua kualiti genre tersebut. Dengan cara ini, hasil yang diperoleh tidak akan kelihatan berasingan, tetapi mencapai satu tahap *fusion* yang mengintegrasikan kedua-dua bentuk genre tarian.

Cabaran kedua adalah menentukan arah perjalanan koreografi yang menunjukkan pengenalan pergerakan yang semula jadi. Pengkaji sebelum ini tidak mempunyai arah eksplorasi yang sistematik dan tiada haluan yang khusus. Oleh itu, pengkaji menerima cadangan daripada pembimbing koreografi dan penyelia akademik untuk mengikuti arah penciptaan koreografi yang lebih teratur. Ini memastikan penghasilan koreografi ini mengikut kaedah rekonstruksi dan mencapai objektif kajian.

Cabaran ketiga adalah memastikan keserasian proses rekonstruksi penciptaan koreografi kontemporari berdasarkan elemen tradisi Tari Piring. Seperti yang diketahui, estetika dan kualiti elemen Tari Piring dan tarian kontemporari adalah berbeza. Untuk menyelesaikan ketidakserasan ini, tempoh latihan yang panjang diperlukan agar bentuk tarian yang dihasilkan dapat “menghormati” antara satu sama lain, iaitu kelihatan seiring dan tidak kekok serta mengikut elemen yang telah menjalani kaedah rekonstruksi.

Cabaran keempat pengkaji ialah menentukan cara untuk menjadikan tema kuasa sesuai dengan koreografi yang dihasilkan. Secara umum, diketahui bahawa kuasa merupakan konsep yang sering diperdebatkan dan mempunyai banyak cabang untuk dibahaskan. Bagi menyelesaikan permasalahan ini, pengkaji mengecilkan skop penggunaan kuasa kepada individu sahaja. Oleh sebab itu, pengkaji memilih untuk menghasilkan koreografi dalam bentuk duet agar tema kuasa tidak menyimpang jauh.

## Kesimpulan

Melalui penghasilan koreografi ini, dapat disimpulkan bahawa pengenalpastian dan pemahaman yang jelas terhadap kualiti bentuk Tari Piring dapat membantu pengkaji dalam proses mengeksplorasi penciptaan koreografi kontemporari yang menggunakan elemen tradisi. Ini merupakan komponen yang paling penting sebelum melakukan eksplorasi yang lebih mendalam. Jika berpeluang melakukan koreografi lain, pengkaji akan menggunakan strategi yang sama pada masa akan datang sebagai titik permulaan dalam proses penciptaan koreografi yang berunsurkan elemen tradisi. Selain itu, penggunaan elemen tradisi boleh diperluas dan tidak hanya terhad kepada ragam yang ada sahaja, tetapi juga dilihat dari segi estetika dan kualiti, serta digunakan sebagai identiti pengkarya itu sendiri.

Seterusnya, ciri penggabungan elemen Tari Piring yang telah dianalisis dalam penciptaan koreografi kontemporari dengan kaedah rekonstruksi dapat dikenal pasti. Gabungan dan analisis yang dimaksudkan ialah hasil daripada elemen Tari Piring sebelum dan selepas kaedah rekonstruksi. Bagi pengkaji, kaedah rekonstruksi adalah sesuatu yang berkesan seperti yang diterangkan oleh Franco (1989), iaitu melihat perkara lama dalam yang baharu. Penyataan ini merupakan kata kunci yang digunakan setiap kali melakukan latihan dan eksplorasi dalam koreografi yang dihasilkan.

Pengkaji percaya rekonstruksi menurut Franco bukanlah sekadar meniru bentuk yang lama (*copy and paste*), tetapi cara menggunakan dan melihat elemen lama seperti pergerakan yang diberi nafas baharu tanpa merujuk kepada perkara yang berkaitan dengan sejarah. Perkara ini boleh diolah dan menjalani proses produksi serta persembahan yang melihat interpretasi sebagai kaedah lain dalam penghasilan koreografi kontemporari. Kita dapat melihat pergerakan lama diolah menjadi bentuk baharu, seolah-olah berada di ruang dan tubuh badan yang baharu. Selain itu, pengkaji memilih penghasilan yang bersifat kontemporari sebagai medium yang boleh diterjemahkan dengan pelbagai cara kerana sifatnya yang bebas. Elemen kontemporari membolehkan eksplorasi di luar batasan, tetapi terkawal. Pada pandangan pengkaji, penghasilan koreografi ini berjaya memenuhi objektif kajian yang ingin dicapai.

Selain itu, penciptaan koreografi “Gelanggang” dengan mengekspresikan piring sebagai ‘kuasa’ telah berjaya dihasilkan. Kuasa dilihat sebagai keinginan dan pengaruh diri sendiri untuk mengawal individu lain. Piring memberikan refleksi sebagai kuasa apabila penari menjadikan piring sebagai objek yang berharga, sering berinteraksi dengan piring, mengawal dan memanipulasi piring.

Koreografi ini tidak mengabaikan dan mengetepikan peranan piring sebagai perlambangan kuasa yang penting. Oleh itu, penciptaan ini berjaya dilaksanakan dengan komitmen yang baik daripada penari dan pengkaji sendiri sebagai koreografer.

Pada masa yang sama, berdasarkan pemerhatian pengkaji dalam bidang seni tari ini, koreografer dan penggiat tari yang menggunakan piring (prop) sebagai punca penciptaan adalah kurang. Pengkaji terfikir tentang persoalan berikut: Mengapakah tiada penggiat tari yang berminat melakukan eksplorasi dengan menggunakan piring? Adakah bilangan penari atau koreografer yang mahir menarik bentuk ini tidak ramai? Pengkaji berharap agar generasi akan datang berminat untuk menggunakan Tari Piring dalam penciptaan kontemporari yang berunsurkan tradisi.

Sebagai kesimpulan, pengkaji menemui strategi untuk melakukan kaedah rekonstruksi dan menggabungkan elemen Tari Piring dengan tarian kontemporari agar serasi dan saling melengkap. Kaedah rekonstruksi menjadikan koreografi ini relevan pada masa kini tanpa melupakan teras pergerakan yang asal. Pemahaman yang jelas terhadap bentuk tradisi, serta analisis estetika dan kualitinya, adalah penting supaya dapat dijadikan garis panduan kepada koreografer untuk menghasilkan karya yang lebih baik dan tidak disalahertikan pada masa akan datang. Pemahaman ini membantu pengkaji lebih peka dalam menghasilkan koreografi mengenai keunikan dan keterbukaan gabungan tradisi dan kontemporari. Kajian ini bukanlah sesuatu yang mudah, tetapi merupakan proses yang memuaskan dan boleh dikembangkan pada masa akan datang.

## Penghargaan

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada projek akhir koreografi peringkat Sarjana Tari di Jabatan Tari, Fakulti Seni Kreatif, Universiti Malaya pada tahun 2020-2021. Penambahbaikan dan eksplorasi koreografi gelanggang diteruskan sehingga pada tahun 2022, dan dipерsembahkan di Panggung Eksperimen ASWARA oleh pelajar tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda (persembahan).

## Rujukan

- Albright, A. C. (2010). Tracing the past: Writing history through the body. In A. Carter & J. O'Shea (Eds.), *The routledge dance studies reader* (2nd ed., pp. 119-128). Routledge.
- Backer, M. (2003). Contemporary dance in Malaysia: What is it? In M. A. Md Nor. (Ed.), *Diversity in motion* (pp. 63-77). The Cultural Centre, University of Malaya.
- Blom, L. A., & Chaplin, L. T. (1982). *The intimate act of choreography*. University of Pittsburgh Press.
- Franko, M. (1989). Repeatability, reconstruction and beyond. *Theatre Journal*, 41(1), 56-74.  
<https://doi.org/10.2307/3207803>
- Gonzales, J. (2019). *Koreografi kontemporari Malaysia*. Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Haviland, L. C. (2013). Repetition island: Some thoughts on restaging, reconstruction, reenactment, re-performance, re-presentation, and reconstruction in dance. *Consulted in September*, 22, 2015.
- Md Nor, M. A. (2002). Reinventing tradition in the context of public vs. private displays of dance in Sabah and Sarawak. *Borneo Research Council 7th Biennial International Conference*, Universiti Malaysia Sabah.
- Md Nor, M. A. (2003). Dance research: Transference and reconstruction in contemporary Malaysian dance. In M. A. Md Nor. (Ed.), *Diversity in motion* (pp. 1-22). The Cultural Centre, University of Malaya.
- Minton, S. C. (2017). *Choreography: A basic approach using improvisation*. Human Kinetics.
- YouTube. (2023, July 30). *Malaysian Contemporary Dance Based on Tradition Element : GELANGGANG*.  
YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=0vyz3cHzqgE>